

INNO-TECH CHALLENGE - INNOVASI TEKNOLOGI BARU



Pada tahun ini buat julung kalinya SELIA Group telah melakukan pembaharuan (re-branding) daripada QIT kepada Inno-Tech Challenge (Inovasi menggunakan teknologi baru). Pertandingan inovasi tersebut telah berlangsung di Rumah Media Melaka pada 21 Jun 2013 dan telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Mohamed Zaini Amran, Ketua Pegawai Eksekutif Selia Group dan turut dihadiri oleh semua Ketua-Ketua syarikat.

Inno-Tech Challenge telah diadakan dengan tujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai budaya inovasi dalam organisasi SELIA. Ia juga merupakan satu cabaran kepada semua warga kerja SELIA untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Sebanyak 9 pasukan telah turut serta di dalam pertandingan ini. Pertandingan pada tahun ini telah dijuarai oleh pasukan GMS dari Selia Selenggara Selatan dan membawa pulang piala pusingan beserta hadiah wang tunai berjumlah RM3000.



INNO-TECH CHALLENGE - INNOVASI TEKNOLOGI BARU

